

14/09/2003

Dua kementerian bincang kemudahan penjagaan kanak-kanak

KUALA BERANG: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Sumber Manusia bagi menentukan garis panduan dan kriteria minimum yang perlu diguna pakai majikan dalam menyediakan kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata kemudahan pusat penjagaan bagi kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah perlu mengikuti garis panduan bagi memastikan pusat berkenaan menjamin keselesaan dan keselamatan kepada kanak-kanak.

Katanya, tindakan kerajaan kini ke arah mewajibkan penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja.

Bagaimanapun, katanya pelbagai pandangan dan faktor perlu diambil kira terlebih dulu untuk memastikan kewujudannya memberi manfaat kepada pekerja.

"Majikan terutama di kalangan syarikat besar yang memiliki ramai kakitangan wajar memberi komitmen terhadap hasrat kerajaan yang mahukan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak didirikan di tempat kerja.

"Walaupun ia bukan mandatori, pihak majikan perlu mengambil langkah yang lebih serius supaya hasrat kerajaan dapat direalisasikan," katanya selepas menyempurnakan perasmian penutup Larian Kerana Mu Malaysia peringkat Hulu Terengganu di Padang Tenaga Nasional Berhad di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu kerajaan mahu lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak ditubuhkan di tempat kerja dan untuk menjayakannya kerajaan mungkin menjadikan penubuhan pusat itu sebagai syarat dalam keutamaan pembangunan oleh majlis tempatan.

Langkah itu dirasakan perlu kerana maklum balas daripada majikan swasta terhadap konsep itu sehingga kini tidak menggalakkan walaupun kerajaan memberi galakan kepada majikan.

Siti Zaharah berkata, Dr Mahathir memberi tumpuan terhadap perkara itu dalam pembentangan bajet kelmarin yang antara lain bertujuan meningkatkan kesejahteraan keluarga.

Katanya, majikan yang tidak mempunyai keupayaan menyediakan pusat penjagaan boleh memberi sokongan kepada pusat berkenaan yang terletak berhampiran tempat kerja.

Beliau berkata, kementerian sedia membantu majikan dalam pemberian lesen dan latihan kepada pekerja yang menguruskan pusat berkenaan.